

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN (KALABAKAN)**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN (KALABAKAN)** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tahap pematuhan dan pengawasan kuota barang-barang keperluan asas bersubsidi berjaya disalurkan kepada peruncit-peruncit di seluruh Pulau Sebatik, Tawau. Masih terdapat keluhan-keluhan pengguna akhir tentang kekurangan barangan keperluan asas tersedia untuk dibeli di kedai-kedai sedia ada. Menjadi kebimbangan ketirisan masih berleluasa dan berlaku melalui aktiviti penyeludupan ke negara jiran.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa memantau pengedaran barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung gandum (GMT), gas petroleum cecair (LPG), Petrol RON 95 dan Diesel di Pulau Sebatik. Pengedaran dibuat melalui 3 pemborong dengan jumlah sebanyak 7.057 tan sebulan bagi gula, minyak masak sebanyak 5.06 tan sebulan dan tepung gandum sebanyak 5.06 tan sebulan. Manakala pengedaran bekalan petrol RON95 dan diesel dibuat oleh Bahagian Harga Barang Negara (BHBN) melalui Program Penyeragaman Harga. Bekalan LPG diedarkan kepada penduduk Pulau Sebatik dengan bekerjasama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan tidak melalui peruncit.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan barang kawalan sampai ke pengguna, namun dipercayai aktiviti penyelewengan dan ketirisan LPG bersubsidi ini masih berlaku. Antara faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya ketirisan LPG adalah perkongsian bersama pulau tanpa tembok pemisah yang kukuh dan jarak persempadanan darat yang luas, harga LPG Malaysia adalah lebih murah berbanding harga LPG Indonesia iaitu harga LPG di Malaysia adalah RM26.60 setong bagi saiz 14kg, manakala harga di Pulau Sebatik adalah RM31.20 setong bagi Zon A dan RM35.00 setong bagi Zon B. Selain itu, bekalan LPG juga lebih mudah diperolehi dari Tawau, Sabah berbanding dari bekalan LPG Indonesia. Faktor geografi seperti laut yang luas juga menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan penguatkuasaan di perairan dan hubungan persaudaraan antara rakyat Malaysia dan rakyat Indonesia memungkinan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia.

Bagi menangani isu ketirisan barang kawalan di Pulau Sebatik ini, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh KPDNHEP sejak tahun 2015 sehingga kini. Antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan adalah pelaksanaan Arahan Pengawal bagi Pemegang Lesen Borong dan Pemegang lesen runcit di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, melaksanakan Program Kad Permit Kawalan Bekalan Isi

Rumah (KPKB) , melarang pemegang lesen runcit di Pulau Sebatik, Sabah menjual LPG bersubsidi kepada mana-mana orang lain kecuali yang diberikan kebenaran oleh Pengawal Bekalan Malaysia, mewujudkan data penduduk dan isi rumah yang lebih telus dan sistematik ke arah untuk menambah integriti data sedia ada serta mendapat gambaran sebenar keperluan LPG oleh rakyat Malaysia di Pulau Sebatik, Tawau, mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak-pihak tertentu seperti pembekal, agensi kerajaan dan perwakilan penduduk supaya setiap masalah bekalan dan isu ketirisan dapat ditangani dengan berkesan, dan memperkenalkan inisiatif baru LPG komersial di Pulau Sebatik, Sabah dengan kerjasama beberapa syarikat minyak tempatan.

Tindakan penguatkuasaan yang efisien dan berterusan turut dilaksanakan bagi mengekang penyelewengan barang kawalan di Pulau Sebatik. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah sentiasa menjalankan kerjasama Inter-agensi dengan agensi penguatkuasa seperti Pasukan Polis Marin (PPM), APMM, ESSCOM dan KASTAM, di mana kawalan di perairan Tawau dikawal dengan baik dan ketat agar tidak ada bot-bot yang membawa barang kawalan yang tidak mendapat kebenaran dan menyalahi undang-undang dan peraturan akan diambil tindakan.

Secara kesimpulannya, bekalan barang kawalan terutamanya barang kawalan bersubsidi di Pulau Sebatik adalah mencukupi mengikut kadar penggunaan dan bilangan penduduk Malaysia di sana. Walaupun faktor-faktor berlakunya ketirisan barang kawalan di Pulau Sebatik diakui agak sukar dan mencabar untuk ditangani oleh Kementerian, namun usaha serta tindakan berterusan KPDNHEP dengan kerjasama agensi-agensi lain bagi membanteras penyelewengan barang kawalan tetap diteruskan bagi memastikan penduduk Malaysia di Pulau Sebatik sentiasa mendapat bekalan barangan keperluan asas yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.